

Perihal Wang Loteri untuk Tempat Ibadah

Berhubung dengan Majlis Raja-raja Melayu, khabarnya tidak berapa lama lagi akan menjelaskan kedudukannya terhadap kepada halal dan haram wang loteri kebajikan masyarakat yang heboh menjadi perbincangan umum di seluruh Persekutuan Tanah Melayu, maka ada baiknya di sini dipeturunkan semula sebahagian daripada keterangan-keterangan Edrus menjawab Abu Izyan di Berita Harian dan sebahagiannya yang belum disiarkan oleh harian itu. Tulisan di bawah ini diletakkan hanya keterangan-keterangan sahaja – tidak membahas pendapat orang lain, supaya dapat dikaji dengan tenang oleh pembaca-pembaca

(Oleh: Edrus)

Wang Loteri dan Masjid-masjid

Mufti Johor dan mufti-mufti yang lainnya di Persekutuan Tanah Melayu bersetuju mengatakan bahawa loteri itu ialah sejenis judi, yang disebut juga “*al-maysir*”.

Perkataan *al-maysir* ini diambil daripada perkataan *yusur* (*yūsūr*) ertinya mudah; kerana ia (judi) ialah suatu perusahaan yang tidak payah dan tiada *mushaqah*: ataupun diambil daripada perkataan *yasir* (*yāsir*) ertinya kaya.

Di dalam tafsir *Khāzin* dan *al-Ṭabarī* ada meriwayatkan bahawa orang-orang Arab Jahiliyyah, zaman Nabi, membeli seekor unta. Unta itu disembelih dibahagikan kepada dua puluh delapan bahagian. Kemudian yang dua puluh delapan itu dibahagikan tujuh dengan diberi namanya sekali.

Satu bahagian untuk *al-fāz*

Dua bahagian untuk *al-ta‘ām*

Tiga bahagian untuk *al-raqīb*

Empat bahagian untuk *al-hālis*

Lima bahagian untuk *al-nafis*

Enam bahagian untuk *al-musbil*

Tujuh bahagian untuk *al-mu‘allā*

Kemudian mereka mengambil sepuluh buah *kīdah* (anak panah) tujuh daripada sepuluh *kīdah* ditulis nama yang

tersebut, sedang tiga tidak diberi nama apa-apa.

Kemudian *kīdah* yang sepuluh itu dimasukkan di dalam sebuah karung yang dinamakan mereka dengan *ribābah*.

Karung ini diserahkan kepada seorang yang dipercayai bagi menggoncangkannya.

Sesudah itu baharulah dicabut satu persatu mengikut nama satu-satu orang yang sepuluh yang mengambil bahagian itu.

Barangsiapa dapat yang bertulis nama-nama yang tersebut (yang tujuh tadi) maka mereka akan dapat bahagian mereka sedang yang tiga lagi yang tidak bernama akan kelak membayar semua harga unta yang disembelih mereka.

Mereka yang mendapat bahagian itu tidak pula mengambil hasilnya atau menggunakan hasil itu untuk mereka ataupun untuk keluarga mereka, tetapi perolehan-perolehan mereka itu dihadiahkan mereka kepada fakir miskin. Perbuatan ini dilakukan oleh orang-orang kaya.

Mereka berasa berbangga dan megah dengan pekerjaan yang demikian. Mereka sangat mencerca benar-benar kepada sesiapa yang tidak ikut mengambil bahagian di dalam permainan ini

Orang-orang yang tidak menyertai disebut *baram* (bakhil).

Kejadian yang seperti ini yang pada mulanya menyebabkan Allah menurunkan ayat 219 *Sūrah al-Baqarah* dan kemudian menurunkan pula satu lagi ayat mengenai di dalam *Sūrah*

al-Mā'idah (ayat 90) yang lebih tegas daripada ayat yang pertama itu.

Cuba pembaca berfikir dengan tenang dan membandingkan keadaan itu dengan keadaan loteri kebajikan masyarakat yang ada sekarang ini, dengan kejadian sebab ayat *maysir* diturunkan.

Untuk bandingan-bandingan apakah tidak lebih baik yang dibuat pada zaman Jahiliyah itu daripada loteri kebajikan masyarakat?

Sedangkan yang lebih baik diharamkan Tuhan dan ditegah walaupun ada manfaat daripadanya apalagi seperti yang ada sekarang tentu lebih-lebih lagi.

Saya menunjukkan lebih baik, tidak bermakna saya memuji perbuatan orang-orang Jahiliyah, tetapi adalah sebagai perbandingan di antara yang lama dengan yang baharu. Pembaca-pembaca mesti mengetahui, mengapa ayat mengenai *maysir* itu dua kali diturunkan – yang pertama lembut (di dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 219) sedang yang kedua tegas (di dalam *Sūrah al-Mā'idah* ayat 90).

Cuba pembaca perhatikan ayat yang pertama (*al-Baqarah* ayat 219) yang maksudnya:

“Mereka bertanya kepadamu, ya Muhammad – tentang arak dan judi. Katakanlah: Keduanya mengandung dosa yang besar dan manfaat-manfaat (faedah) untuk manusia. Tetapi dosa keduanya lebih besar daripada manfaatnya (faedahnya).

Di dalam ayat ini membawa perbandingan: Sekalipun ada faedahnya untuk manusia: arak dan judi (*maysir*) itu, tetapi ia dosa yang besar sedang doa keduanya (arak dan judi) lebih besar daripada manfaatnya. Mengenai ini Sayyid Qutb di dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'an* menerangkan bahawa kedua-duanya (arak dan judi) itu ialah perkara yang lazat (enak) yang semenjak dari zaman Jahiliyah orang-orang Arab telah tenggelam di dalamnya.

Pada masa berjalan kejadian itu belum ada lagi ayat yang mengharamkan arak dan judi.

Tetapi walaupun begitu tidak ada satu *naṣ* pun

di dalam al-Qur'an yang menyatakan keduanya itu halal.

Umat yang baharu tumbuh itu dipandu oleh Tuhan dengan selangkah demi selangkah melalui jalan yang dikehendaki olehnya.

Allah membentuk mereka menjalankan tugas yang telah ditentukan kepada mereka.

Tugas yang besar itu tidak sesuai disertakan dengan perbuatan yang sesia yang terdapat pada arak dan judi.

Ia juga tidak sesuai dengan perbuatan menghabiskan umur dengan sesia, membuang-buang rasa kesedaran dan membuang-buang tenaga dengan perbuatan-perbuatan yang sesia.

Orang-orang yang menganggur, iaitu mereka yang tidak ada kerjanya selain daripada memuaskan kelazatan nafsu mereka, lalu mereka tenggelam di dalam mabuk arak dan main judi, atau mereka yang berasa risau, lalu lari pada arak dan judi seperti kebiasaan yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah dahulu atau Jahiliyah hari ini ataupun Jahiliyah hari esok.

Sekalipun demikian Islam menurut caranya mendidik jiwa manusia berjalan dengan perlahan-lahan dan di dalam keadaan berupa mudah dan tenang.

Sūrah mengenai arak dan judi (di dalam *Sūrah al-Baqarah* ayat 219) ialah langkah yang pertama mengharamkannya.

Benda-benda dan perbuatan ini ada kalanya tidak menjadi jahat semata-mata; perkara yang baik bercampur dengan yang jahat, yang jahat bercampur dengan perkara yang baik di bumi ini.

Tetapi letaknya halal dan haram ialah apakala perkara yang baik melebihi perkara yang jahat atau perkara yang jahat melebihi perkara yang baik.

Oleh kerana perkara yang terdapat pada arak dan judi lebih besar daripada faedahnya itulah yang menjadi sebab keduanya diharamkan, sekalipun ditegaskan

di dalam ayat ini tentang haramnya atau larangannya.

Demikian kata Sayyid Qutb yang menerangkan pula seterusnya cara-cara kaedah pendidikan Islam di dalam menyampaikan ajarannya.

Menurut beliau suatu perintah atau larangan berhubung dengan salah satu kaedah keimanan (tauhid) yakni soal iktikad, Islam menentukan hukumnya dengan tegas dari peringkat yang pertama lagi dengan tidak bertanggung-tanggung lagi. Hukumnya terus dinyatakan dengan tegas.

Tetapi apabila perintah atau larangan itu ada hubungannya dengan adat atau kebiasaan yang turun temurun atau di atas sesuatu perkara masyarakat yang kusut, maka di dalam mendatangkan hukum ini Islam didapati bertanggung dan menghadapi masalah itu dengan layanan yang mudah, lemah lembut dan bertindak selangkah demi selangkah menyediakan peluang-peluang yang berdasarkan kenyataan, yang memudahkan hukum itu dijalankan dan ditaati.

Tatkala masalah yang dihadapi itu masalah tauhid atau syirik: Islam terus menjatuhkan hukumnya dari peringkat yang pertama dengan bersungguh-sungguh dan tepat dengan tidak beragak-agak lagi dan tidak berpaling daripadanya.

Islam tidak pula bermuka-muka di dalamnya dan tidak ada tawar-menawar padanya.

Ini dibuat kerana masalah itu ialah masalah asas dan dasar yang dengan ketiadaannya iman seorang tidak sah dan Islam tidak akan wujud.

Tetapi di dalam soal arak dan judi, perkara itu perkara adat dan kebiasaan. Perkara ini berkehendak kepada usaha memperbaikinya.

Menghadapi ini Islam pun memerlukan langkahnya dengan menggerakkan perasaan keagamaan dan mantik syarak di dalam diri agama Islam: bahawa dosa di dalam arak dan judi itu lebih besar daripada faedahnya.

Penjelasan Islam ini memberi pengertian bahawa kedua-duanya: arak dan judi lebih utama dijauhi.

Setelah itu kepada arak didatangkan pula langkah yang kedua dengan ayat yang lain di dalam *Sūrah al-Nisā'* (maksudnya):

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu menghampiri sembahyang sedang kamu mabuk, hingga kamu mengetahui apa yang kamu baca.”

Sembahyang itu terkandung di dalam waktu-waktu, kebanyakannya di waktunya berdekatan, tidak cukup antara satu waktu dengan waktu yang lain untuk sekali mabuk dan sedar semula.

Jadi perintah itu memberi peluang bagi orang-orang yang melakukan perbuatan minum arak itu bagi mematahkan kebiasaan arak yang berhubung dengan masa meminumnya yang tertentu, kerana sepanjang yang diketahui orang yang ketagih merasai hajat kemahuannya kepada benda yang diketagihkannya dari barang yang memabukkan atau melemahkan, dalam masa yang tertentu, untuknya meminum atau menghisapnya.

Apabila ia melampauinya masa yang tersebut, dan berulang-ulang ia melampauinya, lemahlah tekanan kebiasaan itu dan dapatlah ia mengalahkannya.

Setelah langkah itu digunakan oleh Islam maka tibalah baginya masa larangannya yang tegas dan yang akhir sekali dengan mengharamkan terus arak dan judi. FirmanNya (maksudnya):

“Hanyasanya arak dan judi dan *ansāb* dan *azlam* itu ialah *rijsun* (najis, kotor) daripada perbuatan syaitan-syaitan. Maka jauhilah kamu akan dia mudah-mudahan kamu berjaya” (Al-Qur’an *al-Māidah* ayat 90).

Sekian yang diterangkan oleh Sayyid Qutb.

Sekarang terang kepada pembaca-pembaca bahawa adakah loteri itu tujuannya berbeza dengan *maysir*?

Saya percaya caranya sahaja berlainan, iaitu cara mengundinya berlainan kerana dahulu dengan nama-nama tetapi sekarang dengan nombor-nombor.

Adakah ini menjadi satu perkara *khilāfiyyah* sedang

tujuannya satu?

Terang dan nyatanya semua mufti-mufti di seluruh Persekutuan Tanah Melayu ini mengharamkan loteri, termasuk Mufti Johor dan Mufti Terengganu. Beliau-beliau ini tegas memfatwakan bahawa barangsiapa menghalalkan loteri, beriktikad dengan hati, berucap dengan lisan dan berbuat melakukannya dengan yakin akan halalnya, maka orang-orang itu kafir.

Saya yakin kerana beliau itu telah pun mengetahui dengan jelas bahawa yang dikatakan *maysir* itu ialah judi dan arak, yang jadi sebab turunnya ayat itu, seperti tersebut di atas, sekalipun ada kebajikannya, tetapi kebajikan itu ditolak sebab mudaratnya lebih banyak.

Kemudian entah bagaimana Mufti Johor tatkala menjawab satu pertanyaan, maka di dalam jawapan beliau kepada punca pertanyaan itu dipandang mengharuskan wang loteri kebajikan masyarakat.

Alasan-alasan yang dibuat, berkisar di sepanjang keadaan wang yang tidak diketahui tuannya dan tidak berupaya memulangkan wang kepada tuannya, pada hal dengan *naṣ* al-Qur'an yang *ṣarīh* difatwakan mereka akan haramnya.

Hukum yang tepat haramnya dijalankan dengan reda oleh sebuah kerajaan yang mengaku agama rasminya agama Islam, terus dijadikan wang yang halal dengan suatu *qiyās* yang dipandang kiasan itu tidak tepat, sebab barang haram itu masih mengalir dan berjalan terus serta diteruskan dengan reda oleh kerajaan.

Wang itu pula terkumpul di suatu tempat yang khusus mentadbir wang loteri yang sudah dan sedang berjalan dan terus berjalan itu, hingga hari ini.

Hal ini tidak mahu diterima oleh ulama-ulama lain terutamanya di dalam perkara menggunakan wang itu untuk membina masjid, kerana itulah timbulnya fitnah di dalam binaan masjid yang menjadi sebab masjid-masjid itu boleh dihukumkan *ḍirār*.

Bolehkah untuk membina masjid?

Bolehkah wang itu digunakan kerana membina masjid?

Inilah soalan-soalan yang pembaca-pembaca mesti perhatikan. Saya cuba sekadar kesanggupan saya memberi penjelasan-penjelasan di dalam soal masjid ini supaya pembaca-pembaca atau orang-orang yang bercita-cita baik untuk membina rumah Allah ini, dapat penduan yang sebaik-baiknya.

Masjid, tempat menyembah Allah, didirikan adalah dengan kebaktian dan ketulusan, dengan taqwa. Masjid tidak diasaskan kerana cantiknya atau bagus bangunannya, tetapi masjid didirikan adalah dengan kebersihan, bersih di dalam segala-galanya untuk menyampaikan taqwa hambaNya kepada Tuhannya,

Menjadi suatu pertanyaan: Apakah mendirikan masjid dengan wang hasil loteri yang haram itu satu perbuatan taqwa? Apakah kedudukan duit yang haram itu sesuai untuk pekerjaan yang bersifat dan dikehendaki dengan taqwa? Pada hal Allah *Subḥānu wa Ta'ālā* bersifat Maha Suci dan Baik dan sangat gemarkan segala yang suci dan baik.

Wang hasil loteri kebajikan masyarakat itu, tentunya yang terbanyaknya datangnya daripada orang-orang yang bukan Islam maka adakah wang-wang yang asalnya daripada orang-orang yang bukan Islam itu boleh digunakan kerana mengimarahkan sesebuah masjid?

Di dalam al-Qur'an ayat 18 dan 19¹ *Sūrah al-Tawbah* Allah Ta'ālā berfirman (maksudnya):

“Orang-orang mushrikin itu tiada berhak mengimarahkan masjid-masjid Allah (mendirikannya, menguruskannya dan beribadah di dalamnya) sedang mereka mengakui dengan berterus-terang akan kekufuran mereka sendiri. Mereka itu ialah orang-orang yang gugur amalannya dan di dalam Nerakalah mereka itu berkekalan).

“Hanya yang berhak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu (yang mendirikannya, yang menguruskannya dan yang beribadah di dalamnya) ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta mendirikan sembahyang dan mengeluarkan

¹ Kesalahan teks asal. Ayat yang sebenarnya adalah ayat 17 dan 18.

(memberikan) zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka mudah-mudahan mereka menjadi daripada orang-orang yang mendapat pertunjuk.”

Al-Ṭabarī dalam kitab tafsirnya menyebut: Bahawa sebab-sebab ayat itu diturunkan ialah kerana kaum Jahiliyah kerap kali bemeegah-megah kepada orang-orang Islam dengan mengatakan bahawa merekalah yang lebih utama disebabkan amalan mereka mengimarahkan Baitullah. Dengan sebab itulah lalu turun firman Allah yang tersebut yang menunjukkan bahawa amalan mereka sesia sahaja, kerana mereka kafir tidak beriman kepada Allah. Adapun yang berhak mengimarahkan masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, yang mendirikan sembahyang, yang memberi zakat, dan yang tidak takut melainkan kepada Allah. Orang Islam yang demikian sifatnya, merekalah yang mendapat pertunjuk dan mendapat pahala yang besar atas amalannya yang baik itu.

Di dalam mentafsirkan ayat ini, Sayyid Qutb, di dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qurʿān* menulis:

“Perkara ini (perkara orang-orang mushrikin mengimarahkan masjid) adalah terkeji dari mulanya, tiada mempunyai alasan-alasan yang membolehkannya kerana ia menyalahi tabiat benda-benda. Sesungguhnya rumah-rumah Allah (masjid-masjid) adalah semata-mata untuk Allah, tiada disebut di dalamnya melainkan namaNya, dan tiada diseru beserta-Nya di dalam masjid itu seorang yang lain. Maka bagaimanakah boleh masjid-masjid itu diimarahkan oleh orang-orang yang hati mereka tidak berisi tauhid, dan oleh orang-orang yang menyengutkan Allah dan oleh orang-orang yang mengaku dengan berterus-terang akan kekufuran diri mereka sendiri: iaitu pengakuan yang berdasarkan kenyataan yang tidak dapat disangkal oleh mereka, dan tidak dapat berdalih lagi selain daripada mengakuinya? (mereka ialah orang-orang yang gugur imannya) iaitu salah dan sesia dan di antara amal-amal mereka yang salah dan sesia itu ialah mengimarahkan masjid-masjid (mendirikannya, menguruskannya dan beribadah di dalamnya) yang tidak terdiri melainkan di atas

dasar tauhid kepada Allah ‘*Azza wa Jalla*.”

Dengan ini jelas, jangankan mengambil atau mendirikan wangnya daripada loteri yang haram bahkan wang-wang, pertadbiran dan kelolaan seseorang kafir di dalam masjid-masjid yang di dalamnya untuk menyembah Allah itu ditegah.

Bacalah lebih lanjut keterangan Sayyid Rashid Ridā, mengenai makna imarah masjid di dalam tafsir *al-Manār* yang di antara lain-lain mengatakan:

“... imarah masjid: Maknanya secara am beribadah kepada Allah di dalamnya: Dan juga maknanya ibadah umrah iaitu sejenis ibadah yang khas dengan Masjid al-Haram di Makkah; dan juga maknanya berhubung rapat dengan masjid dan tinggal di dalamnya kerana menguruskannya, dan juga membina masjid itu dan memperbaikinya. Segala yang disebutkan itu adalah dimaksudkan di sini (oleh ayat ini) kerana lafaz (*imarah*) itu menunjukkan kepadanya dan keadaan (ayat itu) menghendaknya. Ada pun makna yang dipilih oleh kita ini menggunakannya pada segala (perkara dan benda) yang termasuk dalam makna “*imarah*” yang dikehendaki oleh ayat suci itu menurut huraian al-Shafi‘ī dan Ibnu Jarīr” Shafi‘ī dan Ibnu Jarīr tidak membenarkan orang-orang mushrik mengimarahkan masjid-masjid dengan makna yang tersebut di atas.

Dengan keterangan ini jelas “imarah masjid” itu meliputi binaannya dan segala usaha untuk menguruskannya, dan ibadah yang dikerjakan (dijalankan) di dalamnya. Ke semuanya itu adalah menjadi hak mutlak bagi orang Islam.

Orang-orang yang bukan Islam tidak berhak mencampurinya.

Terang dan jelas apa yang disebut oleh ahli-ahli tafsir yang kebilangan ini tentang perkara-perkara mengimarahkan ke masjid ini jelas pula sebab-sebabnya maka ayat itu diturunkan atas bemeegah-megahannya orang Jahiliyah itu atas binaan dan mengimarahkan masjid-masjid itu. Oleh itu apakah tidak nanti dalam sedikit hari lagi akan timbul nodaan di hadapan umat Islam bahawa sekiranya tidak dengan

pesertaan mereka membeli loteri maka tempat beribadah kita tidak dapat dibina sebegitu baik dan bagus? Apakah pula nanti tidak akan timbul rasa kebanggaan bahawa jika tidak bantuan mereka masjid yang dibanggakan oleh umat Islam tidak dapat didirikan? Tidakkah ini serupa nanti persoalannya di dalam keadaan Jahiliyah dahulu dengan Jahiliyah sekarang dan Jahiliyah masa akan datang? Fikirlah dan menungkanlah.

Sekarang marilah kita melihat pula keadaan dan perihal masjid-masjid yang didirikan dengan wang hasil loteri kebajikan masyarakat itu. Masjid-masjid yang dibina itu bagi Allah dan adakah kita patut masjid-masjid itu dibina daripada wang haram? Persoalan ini menentukan haramnya wang hasil loteri yang berjalan terus hingga hari ini telah banyak dibahas yang menjadikan tidak ada satu jalan untuk mengharuskan menggunakannya.

Sekalipun umpamanya, bahawa ada jalan mengharuskannya wang itu digunakan kerana *maṣlahat ‘āmmah* tetapi dengan adanya dua pendapat adalah menjadikan wang itu syak halal dan haramnya. Adakah kita akan dibenarkan menggunakan wang yang berkedaan begitu? Kita disuruh menjauhi sesuatu yang samar-samar dan kita disuruh berpegang kepada yang muktamad kerana yang demikian lebih baik.

Sekarang katalah umpamanya, tidak ada ketentuan hukumnya wang hasil loteri itu tetapi apabila ia digunakan kerana mendirikan masjid – kerana tidak ada ketetapan yang muktamad. Apalagi orang-orang berpendapat sememangnya wang loteri haram dan tidak tergamak bagi orang-orang walau pun hanya sedikit imannya akan reda menggunakan wang loteri itu untuk mendirikan tempat beribadah, tempat menyembah Tuhannya dengan kebersihan diri dan jiwanya, maka timbullah padanya perasaan tidak senang. Perasaan tidak senang lalu memandang bahawa haram sembahyang di masjid yang dibina daripada wang haram atau masjid yang diimarahkan oleh orang yang bukan Islam. Sekalipun

mereka mengetahui sembahyang mereka sah tetapi di tempat yang haram.

Dengan sebab itulah timbulnya fitnah, sebahagiannya orang tidak mau sembahyang di masjid itu dan inilah dia puncanya menjadi sebab masjid yang dibina dengan wang loteri itu termasuk ke dalam ayat Allah dari *Sūrah* 107 *Sūrah al-Tawbah* yang maksudnya:

“Dan orang-orang membangunkan masjid kerana hendak menimbulkan bahaya-bahaya kerana kekafiran, kerana hendak memecahbelahkan orang-orang mukmin dan kerana menyambut orang yang semenjak dahulu telah memerangi Allah dan Rasul-Nya: Dan sesungguhnya mereka bersumpah! (mengatakan): Kami hanya menghendaki kebaikan. Dan Tuhan menjadi saksi, bahawa sesungguhnya mereka itu pendusta.”

Terang dan jelas bahawa masjid ini membawa fitnah. Daripada fitnah itu timbullah pecah belah di antara umat Islam yang pada masa dahulunya hampir-hampir kita tidak melihat ada hal-hal. Yang terjadi perbalahan mengenai masjid seperti yang terbit daripada masjid yang dibina oleh wang loteri itu.

Sayyid Qutb di dalam tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur’an* (juzuk yang kesembilan, muka 19-20) mengenai masjid “*Dirār*”, masjid yang menimbulkan fitnah dan memecahbelahkan umat Islam, menyatakan seperti berikut

“Masjid ini – masjid *dirār*– yang didirikan (oleh orang-orang munafik) di dalam zaman Nabi (S.A.W) untuk menodai umat Islam masih didirikan di dalam berbagai-bagai bentuknya. Ia masih didirikan dalam bentuknya yang pertama – berupa masjid – dan di dalam berbagai-bagai rupa yang lain. Orang-orang yang bertujuan jahat masih menggunakan Islam sendiri sebagai tabir untuk memperdaya dan menodai di sebaliknya akan Islam. Mereka masih menggunakan cogan-cogan dan nama-nama “Islam” dan rancangan-rancangan “Islam” serta pertubuhan “Islam” sebagai senjata untuk memerangi orang-orang mukmin yang benar, dan sebagai kapak untuk mengapak dan mengancurkan Islam, dan juga

sebagai alat untuk menghalangi perjalanan seruan Islam. Tetapi mereka pada tiap-tiap kali menerima akibat yang mengecewakan dan menghampakan sebagaimana yang diterima oleh orang-orang munafik yang mendirikan masjid *dirār* dahulu-dahulu. Dan tidak ada yang tinggal selain daripada yang bersih yang telah terdiri di atas asas taqwa.”

Kepada masjid-masjid *dirār* yang tersebut di dalam ayat 107 *Sūrah al-Tawbah* itu ditegah Tuhan sama sekali sembahyang di dalamnya dengan firman-Nya maksudnya:

“Janganlah engkau berdiri (sembahyang) dalam masjid itu buat selama-lamanya; Sesungguhnya masjid yang didirikan di atas dasar taqwa, semenjak hari pertama (didirikan) itu, lebih patut di dalamnya engkau berdiri sembahyang

Masjid-masjid yang dibina daripada hasil loteri dan masjid-masjid yang dibina menerbitkan perpecahan dan ditegah oleh Tuhan adalah ditegah daripada sembahyang di dalamnya. Sembahyang di dalam masjid itu haram tetapi sembahyangnya sah seperti halnya orang yang sembahyang memakai baju rampasan atau di atas tanah yang dirampas – sembahyangnya sah tetapi haram.

Terang dan jelas bahawa masjid yang dibina dengan wang loteri masyarakat seperti yang ada dijalankan sekarang namanya sahaja ia masjid tetapi tidak mesti dihormati, kerana ia bukannya Baitullah kerana tidak ada wakaf padanya.

Masjid-masjid yang membawa fitnah ini disuruh oleh Nabi supaya diruntuhkan. Zaman Nabi masjid-masjid itu dibakar dan tanah tapaknya disuruh dijadikan tempat sampah sarap: maka dengan saya menyampaikan hukum yang tersebut kepada umat dengan menuntut supaya Jabatan Agama dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang terletak di bawah kuasa sebuah kerajaan yang bercita-cita menegakkan hukum Allah itu, apakah ini fitnah atau menyampaikan hukuman Allah?

Kita wajib menyedari bahawa masjid yang kita dirikan itu mestilah masjid yang didasarkan di atas

taqwa. Tuhan dengan terangnya memberi pertunjuk kepada kita dalam hal ini di dalam ayat 109 *Sūrah al-Tawbah* (maksudnya).

“Apakah orang yang mendirikan bangunan (masjid) di atas dasar taqwa dan keredaan tuhan, itukah yang lebih baik, ataukah orang yang mendirikan bangunan di pinggir curang yang runtuh, lalu ia jatuh bersama-sama dengan dia ke dalam Neraka Jahanam? Dan Tuhan tidak memberi pertunjuk kepada kaum yang melanggar aturan.”

Panduan atas binaan untuk masjid Tuhan yang tersebut ini wajib diperhati oleh umat muslimin tatkala hendak bertaqwa kepada Allah. Tidak mengapa tempat ibadah kita di dunia tidak semegah dan sebagai tempat ibadah orang lain – namun ia dibina dengan jiwa yang bersih dan tidak terlebih di dalamnya dengan sesuatu tujuan yang terselindung di mata umat. Ingatlah bahawa cara membawa tujuan-tujuan ini sangat buruk padahnya apalagi untuk menegakkan tujuan-tujuan itu terus ia memutar-mutar tujuan ayat Tuhan atau pun seperti yang dikatakan oleh Mufti Selangor di dalam Majlis Muzakarah di ibu kota:

“Janganlah hendak cuba-cuba membuat dalih menghalalkan barang yang haram dan mengharamkan barang yang halal yang telah dihukumkan oleh Allah dan Rasul-Nya.”

Janganlah hendaknya kita termasuk di dalam golongan yang diisyaratkan dan diperingatkan oleh Nabi (S.A.W) di atas perbuatan orang-orang Yahudi dengan sabdanya (maksudnya):

“Janganlah kamu melakukan apa yang dilakukan oleh kaum Yahudi, lalu kamu halalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah.”

Hadith ini disampaikan oleh Rasulullah menegah umat Islam menurut helah yang dilakukan oleh kaum Yahudi. Di antara helah-helah mereka ialah setelah Allah ‘*Azza wa Jalla* mengharamkan segala jenis “lemak” ke atas mereka, maka mereka mencairkan lemak itu sehingga berubah namanya lalu mereka jualkan lemak itu.

Apakah kita hendak mengikut cara-cara kerana tidak tersebut perkataan loteri dan *yānasīb* di dalam al-Qur'an dan hadith Nabi (S.A.W) yang disebut hanya *maysir* (judi) sahaja lalu kita mengatakan ada pendapat-pendapat yang mengatakan loteri bukan judi (*maysir*) lalu kita mengatakan yang demikian itu halal? Bertaubatlah!

Mengenai pendapat Mufti Johor

Ada baiknya di sini pembaca-pembaca memerhati pendapat Mufti Johor yang telah menghalalkan wang hasil loteri masyarakat itu. Di dalam Warta Jabatan Agama Mufti Johor dengan tepat menyatakan bahawa loteri itu hukumnya haram dan barangsiapa menghalalkannya kafirlah ia.

Wang itu berpindah menjadi halal kerana wang itu *dqiyaskannya* menjadi barang yang telah putus daripada mengetahui tuannya dan barang-barang itu haram **dibuang atau dibinasakan** dan hendaklah ia dimasukkan ke dalam *Bayt al-Māl* dan dengannya boleh digunakan kerana maslahat-maslahat Islam. Di dalam warta Jabatan Agama Johor beliau tulis persoalan ini dengan panjang lebar.

Di dalam tulisannya itu beliau tidak menyebut dan memberi pandangan sama sekali adakah orang itu sebenar putus daripada tuannya pada hal loteri itu masih berjalan dan terus berjalan diluluskan oleh sebuah kerajaan yang mengaku agama rasminya agama Islam dengan reda. Di situ juga beliau tidak sama sekali menyebut perihal pengawal wang hasil dan pentadbir loteri itu (*Lottery Board*) yang berkuasa dan semata-mata kerjanya mentadbirkan wang hasil loteri yang terus berjalan dan dijalankan itu. Beliau juga tidak memberi pendapatnya tentang akuan Tengku Abdul Rahman mengenai wang itu tidak dapat dimasukkan ke dalam *Bayt al-Māl*. Semuanya ini adalah perkara-perkara yang menetapkan haramnya wang loteri yang disetujui oleh beliau haramnya dengan *at'lāq* berdasarkan kepada *naṣ* al-Qur'an. Dengan keadaan ini tentulah tidak dapat yang haram menjadi halal dengan dihukumkan *qiyas* sedang *qiyasnya* tidak menepati seperti keadaan yang tersebut.

Sekiranya pun *qiyas* beliau boleh dipakai dan umat

mengetahui bahawa wang itu asalnya daripada loteri dan sebab itu terbit fitnah seperti yang ada hari ini maka apakah boleh mendirikan sesebuah masjid yang menimbulkan fitnah perpecahan di antara umat mukminin? Tentu tidak bahkan jika dibuat adalah mendedahkan perbuatan membina itu untuk umat Islam menuntut supaya masjid *dirār* dan mendatangkan perpecahan di antara orang-orang mukminin itu diruntuhkan atau dibakar mengikut seperti yang diajarkan oleh Rasulullah (S.A.W).

Apakah dengan menyampaikan seruan Tuhan dan Rasul-Nya ini saya membuat fitnah? Sebab itulah untuk menjaga supaya kita bersama-sama jangan dibawa-bawa kepada jalan yang boleh menyesatkan dan mengelirukan. Saya tulis di sini dengan panjang – walau pun sederhana – supaya pembaca-pembaca faham dan jangan cuba terbawa-bawa persoalan loteri dialih kepada persoalan lain.

Mudah-mudahan rencana ini direnung dan diperhati dengan tentang adanya.

SUDAH TERBIT

Dengan gaya dan semangat baru

majalah

angkatan
baru

BULANAN BERGAMBAR, BACHAAN UMUM

Sebulan sekali. harga senaskhah 60 sen.

DIKEHENDAKI

Pelanggan², Wakil² Penjual, Penulis² dan Pembantu² diseluruh Malaya, Singapura, Sarawak, Brunei dan Sabah.

Berhubunglah dengan:

PENERBITAN ANGKATAN BARU

Peti Pos 2039,

Kuala Lumpur,

Tel: 79756.
